

# WANITA TERUS UNGGUL RAI ULANG TAHUN KE-48



**T**ahun ini genaplah 48 tahun majalah WANITA. Banyak momen indah yang dapat dikongsikan sepanjang penerbitannya. Justeru sebagai meraikan dan menghargai penghisap kulit hadapan, mantan editor, penaja, pengiklan dan pembaca, sebuah majlis khusus yang sangat istimewa dianjurkan baru-baru ini bertempat di Dewan Utusan, Utusan Melayu Kuala Lumpur.

Pada tahun ini buat julung kali diadakan Anugerah Tokoh Wanita (ATW). Ia adalah platform bagi memperlihatkan ketokohan, kewibawaan dan pemberdayaan wanita terhadap pembangunan sosial gender wanita Malaysia moden serta komprehensif mengikut peredaran zaman.

Berlandaskan objektifnya, ATW mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan dan perkembangan sosio-ekonomi, memartabatkan wanita sebagai penggerak utama dan pemangkin inisiatif pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat. Tidak ketinggalan, majlis ini merupakan medium penghargaan khas kepada individu yang menyertahkan nilai kualiti

dan iltizam diri sebagai kaum Hawa.

Anugerah pertama ATW didedikasikan khas kepada YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor. Malah beliau turut merasmikan majlis yang penuh bermakna itu. Pemilihannya bertitik tolak atas jasa, sumbangan dan kecemerlangan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Majlis diserikan dengan kehadiran penaja utama produk kecantikan Sweedskin keluaran SNA Wellness International Sdn. Bhd., yang juga syarikat di bawah DSN Group milik Dato' Sri Mohamad Suparadi Md. Noor dan isteri yang juga pengasas produk, Datin Sri Noor Asikin Muhammad. Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Bianco Mimosa turut menaja majlis tersebut. Manakala rakan strategik pula Sunsilik, Niqa Hijab Wash, Tudung Ruffle, Naelofar Hijab, Mumu Scarf, Ariani, Hijabs By Hanami, Her Majesty, Alya Sarah, Alif by Sha, My Designer Label, FH Stylista, Wangi World, Gio Perfume, Samara, Vida Beauty dan Starbucks.

Lebih menarik, tetamu bukan sahaja dihiburkan oleh artis popular, bahkan disajikan dengan pelbagai acara menarik termasuklah cabutan bertuah.

Turut hadir ke majlis tersebut adalah Menteri Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim; Pengerusi Bukan Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh; Pengarah Kumpulan Utusan, Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang Kumpulan, Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pengarang Majalah Utusan Karya Sd Bhd, Arffin Nordin dan Pengurus Kanan Operasi Utusan Karya Sdn Bhd, Azlan Abdul Aziz.

Di samping itu beberapa kategori anugerah lain turut disampaikan kepada personaliti terpilih yang pernah menghiasi muka hadapan WANITA.

Antaranya:

- \* Cover Girl Keluaran Pertama - **PUAN ZAIMAH ALIAS**
- \* Cover Tertaris- **KAVITHA KAUR (MISS WORLD)**
- \* Cover Supermodel - **NASHA AZIZ**
- \* Cover Tokoh Sukan- **DATUK MARINA CHIN**
- \* Cover Pertama Lelaki - **PROF. DATUK CHEF WAN & SERINA REDZUAWAN**
- \* Cover Usahawan - **DATIN SRI SITI NOOR ASIKIN (SWEEDSKIN), DATUK SRI ROZITA RAMELAN, DATUK ALIFF SHUKRI (D'HERBS), DATUK SERI VIDA (VIDA BEAUTY)**
- \* Cover Kerabat Diraja - **YM TENGKU PUTERI ZAHARIAH SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ**
- \* Cover Personaliti TV - **PUAN SRI NORMALA SAMSDIN**
- \* Cover Zero To Hero - **NEELOFA & ROZITA CHE WAN**
- \* The Most Appearances Cover- **PUAN SRI TIARA JACQUELINA**
- \* Cover Artis Malar Segar - **NOORKUMALASARI.**
- \* Cover Bintang Lagenda - **DATO' MARIA MENADO.**